

Q1. Apa yang perlu dibawa oleh pelajar semasa peperiksaan?

Semua pelajar dikehendaki membawa slip pendaftaran kursus bersama kad matrik atau/dan kad pengenalan ke dewan peperiksaan. Kad pengenalan, slip pendaftaran dan kad matrik hendaklah diletak di atas meja peperiksaan untuk diperiksa oleh Pengawas. Pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan sekiranya tidak berbuat demikian.

Q2. Bolehkah nota dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan?

Pelajar tidak dibenarkan sama sekali membawa apa-apa buku, kertas, gambar, nota, sebarang alat yang terdapat catatan bertulis, "*programmable calculator*" atau sebarang alat kecuali yang dibenarkan oleh Pengawas ke dalam atau keluar dari dewan peperiksaan atau menerima apa-apa kertas, buku, dokumen, gambar, nota, sebarang alat yang di dalam atau di atasnya terdapat catatan bertulis, "*programmable calculator*" atau alat dari orang lain semasa di dalam dewan peperiksaan.

Q3. Apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap pelajar sekiranya melanggar peraturan peperiksaan?

Sekiranya pelajar didapati telah melanggar mana-mana daripada peraturan ini, setelah dibicara dan sabit kesalahannya, hukuman yang akan dikenakan adalah seperti berikut:

- Memberi markah sifar '0' kepada peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan atau memberi markah sifar '0' bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan. (Termasuk kerja kursus)
- Menggantung pengajian pelajar selama satu tempoh yang difikirkan patut oleh Senat
- Membatalkan keputusan bagi keseluruhan peperiksaan semester yang terbabit
- Membatalkan keputusan keseluruhan peperiksaan dan diberhentikan dari pengajian.

Q4. Berapa lamakah tempoh untuk gugur tambah kursus?

Proses tambah kursus dilakukan dalam tempoh 2 minggu manakala tempoh untuk gugur kursus adalah 6 minggu yang dilakukan selepas tarikh pendaftaran kursus.

Q5. Bilakah slip pendaftaran kursus akan dikeluarkan?

Slip pendaftaran kursus akan dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu selepas pendaftaran dilakukan.

Q6. Adakah denda akan dikenakan sekiranya proses gugur tambah kursus dilakukan selepas tamat tempoh?

Ya, denda sebanyak RM50 akan dikenakan kepada pelajar sekiranya melakukan gugur tambah kursus selepas tamat tempoh.